



KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
15, 7TH FLOOR (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY, MALAYSIA



Telefon : 603-8880 1005
Faks : 603-8880 1201
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

“KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ruj: IM.101/HQ-H/969/9 Jld.5 **42**
Tarikh: 23 Jun 2020
1 Zulkaedah 1441H

Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat
Semua Pengarah Imigresen Negeri
Pengarah Imigresen KLIA

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

**PROSEDUR BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR
NEGARA BAGI TUJUAN MENYAMBUNG PELAJARAN DAN BEKERJA**

Dengan hormatnya perkara yang tersebut di atas.

2. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Jun 2020, dimaklumkan bahawa pelajar yang berhasrat keluar negara bagi tujuan menyambung pelajaran adalah **dibenarkan** tanpa perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu. Ini termasuklah bagi pelajar yang pernah masuk ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3. Kategori pelajar yang dibenarkan keluar negara adalah bagi yang ingin menyambung pengajian, baru mendapat tawaran belajar dan pelajar yang ingin mengambil peperiksaan. Mereka perlu menunjukkan pas pelajar / visa / pas jangka panjang / surat tawaran / surat arahan mengambil peperiksaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk.



IMMIGRATION KLIA
WORLD'S BEST
IMMIGRATION SERVICE
2010, 2011, 2013




4. Warganegara Malaysia yang pernah masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP dan ingin keluar negara bagi bekerja atau bermastautin di luar negara adalah **dibenarkan** dengan syarat mereka mengemukakan dokumen pembuktian seperti Pas Residen / Pas Jangka Panjang / Permit Kerja atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk. Ini termasuklah bagi warganegara Malaysia yang bekerja dengan syarikat perkapalan dan perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara. Surat dan dokumen berkaitan daripada syarikat perlu dikemukakan kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk.

5. Bagi warganegara Malaysia yang mempunyai keperluan ke luar negara bagi tujuan lain selain belajar, bekerja dan menetap seperti menghadiri mesyuarat / seminar / pameran serta atas urusan kecemasan dan perniagaan, mereka masih perlu **mengemukakan permohonan** kepada Ketua Pengarah Imigresen (KPI) untuk kelulusan.

6. Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai **24 Jun 2020**. Dipohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pintu masuk berkenaan arahan ni. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah dihargai.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTEGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)

SALINAN KEPADA

- 1) Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,
62602 PUTRAJAYA
- 2) Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 PUTRAJAYA
- 3) Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
- 4) Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengajian Tinggi,
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62200 PUTRAJAYA
- 5) Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Aras B1, 6 & 7, Blok D5,
Kompleks D Pusat Pentadbiran Kerajaan, Presint 1,
62502 PUTRAJAYA
- 6) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)
- 7) Chairman
Airlines Operator Committee (AOC) KLIA & KLIA2
Lot N2-N3, Mezzanine Floor, Main Terminal Building,
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
64000 Sepang, **SELANGOR**
- 8) Semua Atase Imigresen
- 9) Pasukan Task-Force Covid-19 Kementerian Luar Negeri